

Kontraktor G1 disaran manfaat teknologi pembinaan

KONTRAKTOR G1 di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) disarankan untuk memanfaatkan teknologi pembinaan terkini bagi meningkatkan kemampuan mereka setelah kerajaan persekutuan membuka semula pendaftaran kontraktor G1 (Bumiputera) sejak 1 September lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin Syed Ikhsan berkata, keputusan kerajaan membuka semula pendaftaran kontraktor G1 yang telah dibekukan selama 14 tahun sejak tahun 2005 itu dilihat mampu memberi peluang kepada kontraktor baharu Bumiputera yang berkecukupan teknikal untuk terlibat dengan lebih aktif dalam industri pembinaan.

"Saya harap inisiatif ini akan mendorong kontraktor G1 sedia ada yang kebanyakannya berada dalam kelas sama lebih 20 tahun untuk meningkatkan kemampuan mereka menjadi kontraktor dalam gred yang lebih tinggi ia-



Dr. Syed Omar Sharifuddin (tiga dari kiri) merakam kenangan bersama tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Pembukaan Semula Pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera) di Resort World, Langkawi, Kedah kelmarin.

itu Gred G2 hingga G7, sekali gus melahirkan lebih ramai kontraktor Bumiputera yang berdaya saing," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Pembukaan Semula Pendaftaran Kontraktor G1 anjuran CIDB Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) di Langkawi, Kedah kelmarin.

Sementara itu, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid berkata, sejak pembukaan semula pendaftaran G1 pihaknya menerima 2,028 permohonan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dari daripada jumlah itu, sebanyak 1,468 permohonan telah diluluskan dan 319 lagi masih diproses, manakala bagi Sijil Taraf Bumiputera (STB) pula, sebanyak 990 permohonan telah diterima dengan 824 telah diluluskan.